

MSM BERI JAMINAN PRODUK HALAL, PENGGUNA PERLU WASPADA GULA IMPORT

KUALA LUMPUR, SEPTEMBER 12, 2019 – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), pengeluar gula bertapis terkemuka negara, ingin memberi jaminan kepada orang ramai bahawa semua produk MSM, termasuk di bawah jenama “Gula Prai”, diperakui Halal dan mematuhi peringkat tertinggi piawaian keselamatan makanan. Pensijilan Halal secara komprehensif tersebut meliputi keseluruhan proses termasuk bahan-bahan dari sumber utama, penghasilan serta pengedaran. MSM sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) bagi mengekalkan perakuan seperti Pensijilan Halal Malaysia, MS1500:2009, Pensijilan Kosher daripada London Beth Din Kashrut Division, Pensijilan Sistem Keselamatan Makanan (FSSC 22000 – Pengeluaran), Pensijilan Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP) dan lain-lain pematuhan berkaitan keselamatan makanan.

“Terdapat pelbagai ciri pematuhan Halal yang bukan sahaja melibatkan penggunaan bahan-bahan Halal, tetapi turut mengambil kira sumber dan proses pengeluaran untuk menepati piawaian selari dengan hukum pemakanan Islam,” kata Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Dato’ Khairil Anuar Aziz. “Pemerhatian terhadap segala protokol dan prosedur perlu diberikan secara konsisten dalam memastikan segala proses mematuhi piawaian dan ciri-ciri penghasilan makanan yang diperlukan.”

Di dalam proses penapisan gula, proses penyahwarna secara khusus melibatkan kaedah Resin Penukar Ion (IER) dan Karbon Teraktif Bergranul (GAC). Karbon teraktif boleh dihasilkan daripada pelbagai bahan berkarbon seperti tempurung kelapa, arang dan serbuk tulang haiwan, atau campuran bahan-bahan tersebut. Penggunaan serbuk tulang yang dihasilkan daripada tulang haiwan yang dibakar adalah murah berbanding karbon teraktif komersial yang lain. Walaubagaimanapun, ia berkemungkinan dihasilkan daripada sumber haiwan yang tidak halal atau tidak disembelih mengikut Syariah. Isu ini menjadi perhatian utama dalam industri gula global, bukan sahaja dari aspek perakuan Halal, tetapi turut menarik perhatian pengguna-pengguna *vegetarian*.



“MSM mampu untuk memberi jaminan bahawa keseluruhan proses penapisan gula adalah mematuhi perundangan Islam memandangkan proses penyahwarnaan yang dijalankan melalui kaedah IER dan GAC, adalah bebas daripada kaedah-kaedah yang tidak halal seperti yang sering digunakan oleh kilang penapisan gula lain. Karbon teraktif yang digunakan untuk penghilangan warna tersebut adalah diperakui halal dan dihasilkan daripada arang,’ jelas Khairil Anuar.

Operasi MSM melibatkan tiga buah kilang penapisan yang terletak di Prai, Pulau Pinang; Chuping, Perlis and Tanjung Langsat, Johor dengan keseluruhan kapasiti pengeluaran sebanyak 2.25 juta tan gula bertapis setahun.

Lambakan gula di beberapa buah negara pengeluar berikutan lebih bekalan, telah menyebabkan gula bertapis murah yang diproses di luar Malaysia dibawa masuk ke pasaran domestik. Situasi tersebut telah dieksploitasi oleh orang tengah yang mengambil keuntungan daripada harga semasa gula mentah dunia. Walaubagaimanapun, gula-gula tersebut kini berada dalam pasaran Malaysia, tanpa sebarang pengesanan kualiti produk dan piawaian Halal.

“Para pengguna yang mengutamakan pensijilan Halal dan makanan berasaskan sayuran adalah dinasihatkan untuk berhati-hati ketika membeli atau menggunakan gula bertapis dan produk-produk bergula yang dihasilkan menggunakan gula-gula import tersebut,” kata Khairil Anuar. “MSM memberi jaminan kepada semua pelanggan kami, semua produk gula kami adalah 100% dijamin Halal dengan mengambil kira proses penapisan dan pengeluaran dijalankan dalam negara serta diperakui oleh pihak-pihak berkuasa Malaysia termasuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Walaupun gula bertapis import dibawa masuk ke negara kita pada harga yang murah, akan tetapi, gula tersebut berkemungkinan tidak mempunyai sijil Halal yang sah dan sumber bahan mentah yang digunakan serta proses penghasilan tidak diperakui Halal,’ tambah beliau.

Sebagai pemimpin industri, kilang-kilang penapisan MSM sentiasa diaudit bagi memastikan setiap proses yang dijalankan adalah mematuhi syarat dalam menghasilkan produk gula berkualiti tinggi secara konsisten. Selain itu, semua pembekal MSM telah diperakui, menggunakan serta menghasilkan bahan-bahan berkualiti, sebahagian daripada proses pematuhan piawaian yang ketat. Semua pensijilan turut dipaparkan pada pembungkusan gula serta melalui laman web MSM untuk tujuan pengenalpastian dan rujukan.



MSM merupakan anak syarikat FGV Holdings Berhad (dahulu dikenali sebagai Felda Global Ventures Holdings Berhad), menawarkan variasi produk yang dijual dan dipasarkan dalam pelbagai jenis bungkusan di bawah jenama – Gula Prai. Produk-produk termasuk gula bertapis pelbagai gred seperti gula pasir kasar, gula pasir halus, gula kastor, gula icing dan gula merah lembut.

-TAMAT-

Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah pengeluar gula bertapis terkemuka di Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui tiga anak syarikatnya, MSM Prai Berhad, MSM Perlis Sdn Bhd dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan syarikat logistik - MSM Logistics Sdn Bhd dan sebuah syarikat dagangan - MSM Trading International DMCC, yang berpangkalan di Dubai, Emiriah Arab Bersatu.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.25 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2018, MSM mengeluarkan sebanyak 964,739 tan gula bertapis, di mana 109,613 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai 59% majoriti syer pasaran domestik. Ditubuhkan pada 10 Mac 2011, MSM disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dengan modal pasaran sebanyak RM 1.83 bilion setakat 31 Disember 2018). MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya.

MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan pengedarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com

Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus
+603 2181 5018 ext. 137
+6016 677 6118
noorbaya.my@msmsugar.com

Ahmad Izwan Osman
+603 2181 5018 ext. 154
+6017 440 1027
ahmadizwan.o@msmsugar.com